

Lampiran Penerangan Produk - Insurans Pengurusan Risiko Syarikat Siber

Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Polisi Insurans Pengurusan Risiko Syarikat Siber. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.



1. Apakah produk ini?

Polisi ini menangani liabiliti syarikat yang timbul daripada pelanggaran data, akibat kejadian gangguan perniagaan atau kejadian siber.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Polisi ini menyediakan perlindungan untuk:

- Kerugian gangguan perniagaan yang disebabkan oleh kegagalan atau serangan keselamatan rangkaian, kesilapan manusia, atau kesilapan pengaturcaraan
- Kos pemulihan data dan sistem termasuk pembaikan dan pemulihan
- Kos tindak balas dan penyiasatan insiden, yang disokong 24/7 oleh talian penting pelaporan insiden pelbagai bahasa dan vendor atas permintaan
- Kelewatan, gangguan, dan kos pecutan daripada peristiwa gangguan perniagaan
- Komunikasi krisis dan perbelanjaan pengurangan reputasi
- Liabiliti yang timbul daripada kegagalan mengekalkan kerahsiaan data
- Liabiliti yang timbul daripada penggunaan rangkaian anda tanpa kebenaran
- Pemerasan/peras ugut rangkaian atau data (yang boleh diinsuranskan)
- Liabiliti kandungan media
- Perbelanjaan penyiasatan pengawalseliaan

Tempoh perlindungan adalah satu tahun. Anda perlu memperbaharui polisi insurans anda setiap tahun.

Nota: Penerangan mengenai perlindungan yang tersedia hanya sebagai ringkasan untuk rujukan pantas dan mudah. Sila rujuk kontrak polisi untuk maklumat lengkap perlindungan/manfaat di bawah Polisi ini.

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Premium yang perlu anda bayar mungkin berbeza bergantung pada beberapa faktor termasuk tetapi tidak terhad kepada skop dan jenis kerja yang dijalankan, pengalaman tuntutan dan keperluan pengunderaitan kami.

4. Apa yang perlu saya bayar selain daripada Premium?

- Duti setem - RM10
- Cukai (jika berkenaan) - 6% daripada premium
- Komisen yang dibayar (termasuk dalam premium) kepada Perantara Insurans (jika ada) - maksimum sehingga 25% daripada premium.

5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu diambil perhatian?

- Kepentingan pendedahan

Tanggungjawab anda kepada kami untuk Polisi Insurans bukan Pengguna Sekiranya Polisi ini bukan Polisi Insurans Pengguna, sebelum kontrak Polisi ini dibuat, diubah atau diperbaharui, Anda mempunyai tanggungjawab untuk mendedahkan kepada Kami apa-apa perkara yang:

(a) Anda tahu adalah relevan dengan keputusan Kami sama ada menerima risiko atau tidak serta kadar dan syarat yang akan dikenakan; atau

(b) seseorang yang wajar dalam keadaan itu dijangka akan mengetahui perkara yang relevan.

“Polisi Insurans Pengguna” bermaksud kontrak insurans yang dibuat, diubah atau diperbaharui oleh seseorang untuk tujuan peribadi sahaja yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion individu tersebut.

Polisi Insurans bukan Pengguna ialah polisi selain daripada Polisi Insurans Pengguna.

- Polisi ini melindungi tindakan salah yang dilakukan dan tuntutan yang dibuat di serata dunia.
- Anda tidak boleh mengakui liabiliti, tawaran, janji atau pembayaran kepada pihak menuntut tanpa persetujuan bertulis daripada kami.
- Anda hendaklah memberikan notis bertulis kepada kami secepat mungkin setelah tuntutan boleh dilaksanakan.
- Terdapat jumlah yang boleh ditolak (deduktibel) / lebihan yang perlu anda tanggung sebelum kami membayar tuntutan. Perkara ini diperuntukkan dalam jadual polisi.

Senarai ini tidak lengkap dan tidak terpakai untuk semua seksyen. Sila rujuk sampel kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian.

6. Apakah pengecualian-pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak menyediakan perlindungan untuk kerugian oleh sebab apa-apa tuntutan:

- Pengetahuan terdahulu
- Prosiding tertangguh atau sebelumnya;
- Tindakan yang melakukan atau membenarkan apa-apa kemungkiran kewajipan sengaja atau pelanggaran undang-undang
- Pengumpulan atau penggunaan salah dengan sengaja
- Diskriminasi Amalan Pekerjaan
- Pelanggaran apa-apa kontrak, waranti, jaminan atau janji yang nyata, tersirat, sebenar atau konstruktif
- Kecederaan badan dan kerosakan harta
- Gangguan infrastruktur
- Perang
- Haus dan Lusuh dan Campur Tangan Pihak Berkuasa Kerajaan

Senarai ini tidak lengkap dan tidak terpakai untuk semua seksyen. Sila rujuk sampel kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan Polisi ini dengan memberikan 30 hari notis bertulis kepada kami. Setelah pembatalan dibuat, kami akan pengembalian premium berdasarkan kadar jangka pendek untuk tempoh insurans yang belum tamat.

8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat pertukaran pada butiran hubungan saya?

Anda hendaklah memaklumkan kepada kami tentang apa-apa pertukaran dalam butiran hubungan anda untuk memastikan segala surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masa.

9. Dari mana saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Insurans Pengurusan Risiko Syarikat Siber, anda boleh menghubungi perantara insurans anda, atau menghubungi kami di cawangan kami di seluruh negara atau di:

Chubb Insurance Malaysia Berhad
No. Pendaftaran: 197001000564 (9827-A)
Wisma Chubb
38 Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur
T +6 03 2058 3000
F +6 03 2058 3333
E Inquiries.MY@chubb.com
W www.chubb.com/my

10. Perlindungan insurans serupa lain yang tersedia

Tiada

NOTA PENTING:

ANDA MESTI MEMASTIKAN HARTA ANDA DIINSURANSKAN PADA JUMLAH YANG SESUAI. ANDA HENDAKLAH MEMASTIKAN BAHAWA POLISI INSURANS INI MEMENUHI KEPERLUAN ANDA DAN PREMIUM YANG PERLU DIBAYAR DI BAWAH POLISI INI ADALAH JUMLAH YANG MAMPU ANDA BAYAR. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN PERANTARA INSURANS ATAU MENGHUBUNGI CHUBB INSURANCE MALAYSIA BERHAD SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang diperuntukkan dalam helaian pendedahan ini adalah ringkasan untuk rujukan pantas dan mudah. Terma dan syarat tepat yang berkenaan dinyatakan dalam kontrak polisi.

Helaian pendedahan produk ini disediakan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Sekiranya terdapat pertikaian antara versi Bahasa Inggeris dengan Bahasa Melayu, versi Bahasa Inggeris hendaklah digunapakai.

Sila maklum bahawa:

- anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk memberikan semua maklumat yang relevan kepada kami atau perantara kami agar kami dapat menyediakan produk kewangan yang paling sesuai kepada anda. Sekiranya anda menyembunyikan sebarang maklumat yang kami atau perantara kami minta, atau memberikan maklumat yang tidak tepat, kami mungkin tidak dapat mengesyorkan produk kewangan yang sesuai kepada anda untuk memenuhi keperluan anda;
- anda hendaklah membaca dan memahami syarat kontrak dan berbincang lebih lanjut dengan kami atau perantara kami jika terdapat syarat yang tidak difahami, sebelum menerima kontrak polisi.

Dengan menerima kontrak polisi, anda memperakui bahawa perantara atau pegawai Chubb telah menerangkan kepada anda dengan jelas mengenai perlindungan kontrak polisi dan syarat-syarat kontrak utama, dan bahawa kontrak polisi yang ditawarkan sesuai untuk keperluan insurans anda.

Maklumat yang diperuntukkan dalam helaian pendedahan produk ini adalah sah pada 15 Oktober 2020.

CHUBB INSURANCE MALAYSIA BERHAD dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.